

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tekanan Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Secara Atas Talian

SYARIFAH NOOR AMALIA SYED MOHD DAHIRI
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Syarifahamalia3011@gmail.com

NUR FIKHRIAH TAKRIL
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
nurfikhriah@kuis.edu.my

SAFURA AHMAD SABRI
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
safura@kuis.edu.my

NURAU LIANI JAMLUS RAFDI
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
nurauliani@kuis.edu.my

ABSTRAK

Tekanan guru merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi prestasi dan pencapaian sesebuah sekolah. Tekanan terhadap guru boleh memberi impak yang negatif kepada prestasi guru-guru dan seterusnya boleh menyebabkan penurunan pencapaian sekolah secara keseluruhannya. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi tekanan guru dalam pengajaran dan pembelajaran secara atas talian. Kajian ini berbentuk kuantitatif yang menggunakan pemboleh ubah tidak bersandar iaitu alat bantu mengajar, komunikasi dan kemahiran, manakala pemboleh ubah bersandar adalah tekanan guru. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pemboleh ubah tidak bersandar iaitu alat bantu mengajar dan komunikasi mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah bersandar iaitu tekanan guru. Manakala, pemboleh ubah tidak bersandar bagi komunikasi pula mempunyai hubungan yang tidak signifikan dan negatif dengan tekanan guru dalam pengajaran dan pembelajaran secara atas talian.

Kata kunci: Tekanan Guru, Alat Bantu Mengajar, Komunikasi, Kemahiran dan Pengajaran dan Pembelajaran.

Pengenalan

Pendidikan merupakan elemen penting dalam pembangunan karakter seseorang. Pendidikan formal bermula dari taman asuhan sehingga ke menara gading. Namun fasa pendidikan yang paling penting adalah pendidikan awal. Berikutan itu, elemen pengajaran dan pembelajaran perlu mantap bagi menyediakan kemampunan dan kemenjadian murid. Bagi memenuhi aspirasi tersebut, perancangan pendidikan di Malaysia yang telah diprogramkan

bermatlambat untuk melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia serta dapat memajukan negara dan memberi peluang pendidikan kepada semua.

Apabila disebut perihal pendidikan, guru merupakan watak utama dalam melahirkan modal insan yang cemerlang dari aspek jasmani, rohani, emosi, intelektual dan sosial selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Guru merupakan seorang insan yang penting di sekolah kerana mereka adalah ibubapa kedua yang bertanggungjawab dalam memberikan pendidikan kepada anak – anak di sekolah. Selain itu, guru juga adalah insan yang membimbing para pelajar yang bakal menjadi pewaris kepimpinan, kebudayaan dan ilmu pengetahuan ke arah meningkatkan kemajuan bangsa dan negara pada masa hadapan.

Seperti yang dikatakan oleh Muhammad Zainuddin Atsani (2020) dan Kamaruzaman Kamaruddin (2007) di era globalisasi ini, guru menghadapi pelbagai tekanan dan cabaran yang menguji kemampuan guru berikutan pelaksanaan pelbagai reformasi dalam Pendidikan yang menuntut kemahiran dan inovasi turut menjadikan peranan dan tanggungjawab guru-guru menjadi lebih mencabar. Lebih-lebih lagi pada masa kini, dunia sedang menghadapi pandemik Covid-19, perubahan teknik pengajaran dan pembelajaran, limitasi dan kepantasan adaptasi kepada perubahan menuntut kemampuan, fizikal, emosi dan kewangan. Ini tentu terasa berat bagi guru, ibu bapa mahupun murid-murid. Tambahan pula, para guru, mereka dituntut untuk berfikiran kreatif dalam penyampaian bahan melalui media pembelajaran dalam talian. Ini perlu disesuaikan juga dengan tahap pendidikan mengikut keperluan murid.

Medium komunikasi sosial lain turut dimanfaatkan media sosial seperti *Whatsapp* dan *Telegram* dengan sebaik-baiknya untuk menyampaikan pelbagai maklumat, arahan dan latihan. Semuanya ini untuk memastikan pembelajaran pelajar tetap lancar walaupun mereka tidak berada di sekolah. Namun, kajian berkaitan penggunaan teknologi maklumat dalam kalangan guru di sekolah menunjukkan tahap yang rendah (Chad Charles, 2017). Masih ramai guru yang tidak mahir menggunakan teknologi maklumat terutamanya guru yang peringkat umurnya 50-an dan ke atas. Mereka perlu dibimbing supaya mereka tahu untuk menggunakan teknologi maklumat.

Secara umum, tekanan guru dapat diukur dengan melihat tahap mereka mengendalikan alat bantu mengajar/instrumen, cara mereka berkomunikasi dengan pelajar menggunakan teknologi maklumat dan kemahiran guru dalam menggunakan teknologi maklumat. Pada masa inilah segala kemahiran, pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian teruji. Dengan cara ini, kita dapat mengukur seberapa berkesan faktor-faktor yang mempengaruhi tekanan guru dalam pengajaran dan pembelajaran secara atas talian ini. Oleh itu, kajian semasa memberikan penilaian yang jelas mengenai faktor tekanan guru dalam pengajaran dan pembelajaran secara atas talian.

Permasalahan Kajian

Sejak dulu lagi, isu tekanan dan cabaran guru ini dibangkitkan termasuk tekanan guru dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknologi maklumat. Kaedah pengajaran dan pembelajaran dengan aplikasi teknologi maklumat merupakan salah satu kaedah terkini yang perlu dipraktikkan oleh para pendidik. Melalui pembelajaran atas talian ini, guru dan pelajar perlu memahami dan menghadapi norma baru dalam pembelajaran dan pengajaran. Namun adakah guru, pendidik dan pengajar bersedia dengan norma baru untuk pembelajaran atas talian ini? Sapora Sipon (2007) mengatakan tekanan terhadap guru memang berkecenderungan untuk

menyebabkan guru berada dalam keadaan murung, mengalami tekanan jiwa, kekecewaan dan kebimbangan. Guru yang gagal mengawal diri akibat tekanan akan memberi kesan kepada perhubungan guru dengan murid dan juga mutu pengajaran dan pembelajaran.

Turut disokong oleh Fong (2004), isu tekanan kerja dalam kalangan guru perlu diberi perhatian yang serius kerana tahap tekanan kerja yang tinggi boleh membawa kepada pelbagai kesan negatif seperti prestasi kerja yang rendah, kurang memberi komitmen, tidak mempunyai motivasi serta kualiti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah akan merosot. Secara idealnya, apabila proses pendidikan bertukar kepada penggunaan teknologi maklumat, maka guru telah bersedia dengan alatan dan kemahiran untuk pengajaran dan pembelajaran secara atas talian dari segi komputer, telefon bimbit, gajet dan aplikasi yang hendak digunakan. Tambahan pula, penggunaan teknologi pendidikan mampu meningkatkan prestasi pelajar dalam pembelajaran dan pengajaran (Ali, A. Haolader, & Muhammad, 2013). Di samping itu, teknologi pendidikan mempunyai keupayaan untuk menyediakan fleksibiliti untuk pembelajaran sepanjang hayat yang mampu memenuhi keperluan pelajar tanpa sekatan masa dan ruang (Chinien, 2003). Berikutan itu, pembelajaran secara atas talian pastinya mudah dan menyenangkan oleh kerana pelajar terdedah dengan teknologi dan aplikasi dan sudah biasa dengan komputer dan gajet.

Namun, realitinya terdapat masalah dalam proses penukaran sistem pengajaran dan pembelajaran menggunakan e-pembelajaran ini. Seperti yang dikatakan oleh Lee & Winzenreid (2009), penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi di dalam kalangan guru menunjukkan tahap yang rendah dan cabaran paling besar ialah memastikan semua guru mengaplikasikan teknologi maklumat secara berkesan dalam pengajaran harian mereka. Walaupun ramai guru telah bersedia dengan perubahan ini, namun tidak dinafikan masih ada segelintir guru yang perlukan bimbingan dan mengharapkan peranan yang dimainkan rakan guru berkemahiran ini serta jurulatih yang sudah dilantik dapat membantu mereka (Berita Harian, April 2020).

Kesannya, keadaan ini telah menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknologi maklumat tidak dapat berjalan dengan lancar oleh kerana guru tidak dapat menyampaikan maklumat tersebut dengan baik. Secara tidak langsung guru akan berasa tertekan akan masalah ini. Hal ini juga menyebabkan pelajar hilang minat untuk menimba ilmu secara dalam talian. Berikutan itu, kajian ini akan mengkaji hubungan diantara faktor alat bantu mengajar/gajet, komunikasi dan kemahiran dikalangan guru dalam pengajaran dan pembelajaran secara atas talian.

Sorotan Kajian Lepas

Di masa kini, seorang guru mempunyai cabaran yang lebih hebat. Prestasi murid yang merosot sentiasa dikaitkan dengan kualiti suasana pengajaran dan pembelajaran guru. Oleh itu, isu tekanan kerja dalam kalangan guru-guru perlu diberi perhatian yang serius kerana tahap tekanan kerja yang tinggi boleh membawa kepada pelbagai kesan negatif seperti prestasi kerja yang rendah, kurang memberi komitmen, tidak mempunyai motivasi serta kualiti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah akan merosot (Ummi Kalsom, 2014). Menurut Rosmawati Abdullah (1999), tekanan adalah reaksi yang dihasilkan oleh seseorang individu terhadap sesuatu punca tekanan.

Walaupun, tekanan adalah sesuatu yang biasa bagi kebanyakan kita, tekanan dalam kalangan guru di Malaysia perlu diambil perhatian oleh semua pihak terutamanya daripada pengubal dasar. Perguruan adalah salah satu profesion yang amat terdedah dengan tekanan.

Tekanan terhadap guru memang berkecenderungan untuk menyebabkan guru berada dalam keadaan murung, mengalami tekanan jiwa, kekecewaan dan kebimbangan.

Kepelbagaian penggunaan alat bantu mengajar bagi mewujudkan persekitaran yang boleh menarik minat pelajar semakin diberi keutamaan kini. Teknologi menjadi teman setia sebagai alat bantu mengajar bagi proses pengajaran dan pembelajaran (Afandi bin Ahmad, 2020). Vespanathan Supramaniyam (2015) menyatakan pengaplikasian komputer dan perisian yang tepat dan betul dalam sistem pendidikan negara, mampu memantapkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan keperluan dan kehendak semasa.

Pada musim Covid-19 ini, guru-guru bergantung kepada alat bantu mengajar bagi menggantikan sistem pembelajaran di sekolah. Guru dan pelajar perlu mempunyai alat seperti telefon bimbit, komputer riba atau tablet supaya guru dan pelajar dapat memberi dan menerima maklumat dengan sempurna. Sistem ini akan menjadi mudah jika semua pihak tiada masalah dari segi alatan, capaian internet dan perhatian ibubapa terhadap anak mereka. Akan tetapi, tidak semua pelajar mempunyai capaian internet yang bagus atau alatan yang mencukupi membuatkan guru terpaksa mencari idea atau alternatif lain supaya pelajar tersebut tidak terlepas atau tertinggal untuk mengikuti pembelajaran yang dijalankan. Namun, tahap kemahiran guru dalam penggunaan teknologi maklumat adalah masih rendah seperti yang dikatakan oleh Razali, Bahador & Saidon (2016). Akibatnya, didapati guru-guru kurang bersedia untuk memulakan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti dan terancang di samping tidak dapat mewujudkan peluang pembelajaran sama rata kepada semua pelajar yang mempunyai pelbagai kebolehan dan kecerdasan (Fatimah binti Jafri, 2017).

Teknologi maklumat dan komunikasi telah diintegrasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tambahan pula, dunia kini sedang mengalami penularan Covid-19 sehingga menyebabkan sekolah-sekolah dan universiti terpaksa ditutup supaya penularan Covid-19 dapat dikurangkan. Walaubagaimanapun, pembelajaran tetap diteruskan dengan menggantikan sistem pembelajaran kepada e-pembelajaran. Guru-guru diarahkan untuk menggunakan teknologi maklumat sebagai medium komunikasi dalam menyampaikan maklumat kepada para pelajar (Berita Harian, Mei 2020).

Prof. Dr. Samsilah Roslan di dalam Berita Harian, April 2020 menyatakan komunikasi berterusan dengan guru dan sekolah serta sikap saling menghormati amat penting kerana ketika ini guru benar-benar terpaksa bergantung kepada bantuan dan kerjasama ibu bapa untuk memastikan anak mereka mengikuti semua pembelajaran, tugas dan penilaian dalam talian yang disediakan.

Tidak dinafikan kejayaan pengajaran dan pembelajaran berkait rapat dengan kemahiran dan peranan guru yang berkesan. Kementerian Pendidikan sedar akan perkembangan ini dan telah merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dengan matlamat memanfaatkan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran guru (Razali, Bahador dan Saidon, 2017).

Faktor kemahiran ini sedikit sebanyak telah memberi tekanan terhadap guru lebih-lebih lagi apabila guru perlu mengajar secara atas talian. Hal ini kerana kemahiran serta pengetahuan guru tentang penggunaan internet kurang dan mereka juga menghadapi kesulitan dalam mencari dan mengenal pasti maklumat tertentu. (Yunus & Wekke, 2009). Talirkodi Vinathan (2016) juga

mengatakan guru-guru juga mengambil masa yang lama untuk mencari maklumat dengan menggunakan internet dan terdapat guru-guru yang masih tidak mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam melayari internet.

Ditambah oleh Van Lengen dalam Morton (1996) menyatakan bahawa kebanyakan guru sudah bersedia untuk mengimplementasikan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran mereka, tetapi apa yang menjadi masalah utamanya ialah mereka tidak tahu bagaimana untuk menggunakan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kesiediaan guru dalam penggunaan teknologi maklumat merupakan kayu pengukur untuk melihat sejauh mana pemahaman guru tentang teknologi baru serta mengetahui segala kemahiran yang diperolehi hasil daripada menghadiri kursus-kursus teknologi yang terkini. (Mohd Izham dan Noraini, Jun 2007). Hal ini diperkukuhkan lagi dengan Moersch (2001), yang mana menyatakan, penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada keyakinan diri guru untuk menggunakan dan mengendalikan peralatan ICT.

Metodologi Kajian

Kajian ini mencari hubungan diantara alat bantu mengajar/gajet, komunikasi dan kemahiran guru dengan tekanan guru dalam pengajaran dan pembelajaran secara atas talian semasa pandemic Covid-19. Kajian ini dilaksanakan menggunakan *Google Form* untuk memperolehi maklum balas daripada guru-guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Meru, Klang dan Sekolah Khalifah Model School, Ampang, Selangor selama dua minggu untuk mendapatkan 102 orang responden iaitu seramai 30 orang guru di sekolah Khalifah Model School, Ampang dan 110 orang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Meru, Klang Responden kajian merangkumi keseluruhan populasi kajian iaitu seramai 140 orang guru di sekolah-sekolah tersebut.

DAPATAN KAJIAN

Analisa Demografi Responden

Jadual 1: Taburan Demografi Responden

| Ciri | Frekuensi (bilangan) | Peratus (%) |
|-----------------------------|----------------------|-------------|
| Jantina : | | |
| Lelaki | 22 | 21% |
| Perempuan | 80 | 79% |
| Umur : | | |
| 25-30 tahun | 31 | 30% |
| 31-35 tahun | 21 | 20% |
| 36-40 tahun | 11 | 11% |
| 41 tahun ke atas | 39 | 39% |
| Status perkahwinan : | | |
| Bujang | 38 | 37% |
| Berkahwin | 64 | 63% |
| Bangsa : | | |
| Melayu | 99 | 97% |
| Cina | 1 | 1% |

| | | |
|------------------------------|----|-----|
| India | 0 | 0% |
| Lain-lain | 2 | 2% |
| Tempoh perkhidmatan : | | |
| 5 tahun ke bawah | 33 | 32% |
| 6-10 tahun | 19 | 19% |
| 10 tahun ke atas | 50 | 49% |
| Institusi pengajian : | | |
| Kerajaan | 58 | 57% |
| Swasta | 44 | 43% |

Jadual di atas menunjukkan taburan ciri-ciri responden yang menjadi sampel kajian dalam menjalankan kajian ini. Kajian dimonopoli oleh guru-guru perempuan berumur dalam lingkungan 41 tahun ke atas dan telah berkhidmat selama lebih daripada 10 tahun. Kebanyakan responden telah berkahwin dan dari bangsa melayu.

Analisa Korelasi

Jadual 2: Korelasi di antara alat bantu mengajar/gajet, komunikasi dan kemahiran dengan tekanan dalam pengajaran dan pembelajaran

| Correlations | | | | | |
|--|---------------------|---------|------------------------|----------------|---------------|
| | | Tekanan | AlatBantuMengajar r | Komuni kasi | Kemahira n |
| Tekanan | Pearson Correlation | 1 | .329** | .684** | -.016 |
| | Sig. (2-tailed) | | .001 | .000 | .875 |
| | N | 102 | 102 | 102 | 102 |
| AlatBantu Mengajar | Pearson Correlation | .329** | 1 | .358** | .146 |
| | Sig. (2-tailed) | .001 | | .000 | .143 |
| | N | 102 | 102 | 102 | 102 |
| Komunikas i | Pearson Correlation | .684** | .358** | 1 | .136 |
| | Sig. (2-tailed) | .000 | .000 | | .172 |
| | N | 102 | 102 | 102 | 102 |
| Kemahiran | Pearson Correlation | -.016 | .146 | .136 | 1 |
| | Sig. (2-tailed) | .875 | .143 | .172 | |
| | N | 102 | 102 | 102 | 102 |
| **. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed). | | | | | |

Pemboleh ubah tidak bersandar bagi alat bantu mengajar ini, dapatan kajian menemui hubungan yang signifikan yang positif pada tahap lemah dengan nilai korelasi 0.329 dan nilai

signifikan $0.001 < 0.05$. Ini menunjukkan bahawa guru-guru belum mahir dalam menggunakan alat bantu mengajar. Manakala hasil ujian korelasi bagi faktor komunikasi adalah mempunyai hubungan positif yang sederhana dan signifikan pada nilai $0.000 < 0.05$ dalam mempengaruhi tekanan guru dalam pengajaran dan pembelajaran secara atas talian. Akhir sekali, hasil ujian korelasi bagi faktor kemahiran mendapati hubungan negatif yang sangat lemah dan tidak signifikan pada nilai $0.875 > 0.05$ dalam mempengaruhi tekanan guru dalam pengajaran dan pembelajaran secara atas talian. Nilai korelasi yang didapati adalah sebanyak -0.16 .

RUMUSAN DAN CADANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, dua daripada tiga faktor ini memberi pengaruh terhadap tekanan guru dalam pengajaran dan pembelajaran secara atas talian semasa pandemic covid -19. Dapatan kajian menemui faktor alat bantu mengajar dan faktor komunikasi mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan tekanan guru dalam pengajaran dan pembelajaran secara atas talian. Manakala, faktor komunikasi pula mempunyai nilai yang negatif dan tidak signifikan dengan tekanan guru dalam pengajaran dan pembelajaran secara atas talian. Ini berikutan sampel kajian adalah daripada sekolah bandar yang telah terdedah dengan kemahiran, latihan yang baik daripada pihak pentadbir pendidikan. Faktor komunikasi didapati tidak signifikan dan mempunyai nilai negatif didorong oleh keupayaan guru-guru dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran kepada murid-murid bandar dan ibu bapa merupakan golongan yang turut terdedah dengan teknologi dan internet.

RUJUKAN

- Ahmad, P. M. (2020, January). *UTHM*. Retrieved from Universiti Tun Hussein Onn Malaysia : <https://news.uthm.edu.my/ms/2020/04/cabaran-covid-19-tanggungjawab-pensyarah-dan-pelajar-di-universiti/>
- Ali, G. A. (2013). The Role of ICT to Make Teaching Learning Effective in Higher Institutions of Learning in Uganda. *International Journal of Innovative Research in Science, Engineering and Technology*, 2(8), 4061–4073.
- Atsani, M. Z. (2020). Transformasi Media Pembelajaran Pada Masa Pandemi Covid-19. *Al-Hikmah: Jurnal Studi Islam Volume 1 Nomor 2 Tahun 2020, Terbitan April-Juni.*, 44-45
- Attan, M. I. (2007). Tahap Kesediaan Guru Sains Dalam Penggunaan Teknologi Maklumat Berasaskan Komputer Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Teknologi*, 46(E) Jun 2007: 45-60, *Universiti Teknologi Malaysia*, 46.
- Bernama. (April 2020). *Cabaran mengajar dalam talian*. Malaysia: Sinar Harian.
- Charles, C. (2017). Tahap Kemahiran dan Pengintegrasian ICT Di Kalangan Guru Di Sekolah Bestari. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*, 5-6.
- Chinien, C. (2003). Analytical Survey: The Use if ICTs in Technical and Vocational.
- Chowdhury, M. R. (2020, September 1). *What is Coping Theory?* Retrieved from PositivePsychology.com: <https://positivepsychology.com/coping-theory/>.

- Gould, M. (1996). Integrating Computers Across the Secondary School Curriculum. *The Western Sydney Experience*. (Atas talian) <http://www.spirit.net.au/ACE96/papers/mouton.htm> (Dilayari pada 21 Jun 2001).
- Hadi, A. A. (2017). *Komunikasi Berkesan Dalam Koperasi*. DimensiKoop.
- Harian, B. (2020). *COVID-19: Pendidikan menerusi dunia maya cabaran baharu buat guru*. Malaysia: BH Online.
- Harian, B. (2020). *COVID-19: Pendidikan menerusi dunia maya cabaran baharu buat guru*. Malaysia: BH Online.
- Jafri, F. B. (Julai 2017). Penggunaan Instruksional Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK) Terhadap Matapelajaran Teras. *PTTA UTHM*.
- Kamaruddin, K. (2007). Tekanan kerja di kalangan guru sekolah menengah. *Jurnal Kemanusiaan bil.10, Disember 2007*.
- Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. (September 2012). Retrieved from Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025: <https://www.moe.gov.my/muat-turun/penerbitan-dan-jurnal/1821-l-a-pelan-pembangunan-pendidikan-2013-2025/file>
- Lee, M. &. (2009). The use of instructional technology in schools. . *Victoria, Australia: Australian Council for Educational Research Ltd*.
- Liew, S. F. (2004). Tekanan Kerja Guru-guru SJKC di Zon Pudu, Kuala Lumpur. . *Projek Penyelidikan bagi Sarjana yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia*.
- Melor Md.Yunus, I. S. (2009). The Application of Multicultural Education and Applying ICT on Pesantren in South Sulawesi, Indonesia . *Wseas Transactions on Information Science and Applications*.
- Moersch, C. (2001). Next steps: Using LoTI as a research tool. *Learning and leading with technology* 29 (3), 22-27.
- Nor Zaira Razali, Z. B. (2017). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan VLE Frog Dalam Kalangan Guru Di Sekolah Menengah.
- Razali, N. Z. (2016). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan VLE Frog Dalam Kalangan Guru Di Sekolah Menengah. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUMUMSIDA. Universiti Utara Malaysia*.
- Richard Lazarus, S. F. (2020). *Cognitive Theories of Stress and the Issue of Circularity (1986)*. Retrieved from SpringerLink: https://link.springer.com/chapter/10.1007/978-1-4684-5122-1_4.
- Robert V. Krejcie, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities . *Educational dan Psychological Measurement*, 30: 607 – 610.
- Sipon, S. (27 Julai 2007). Pendidik Mesti Bijak Kawal Emosi. Dlm "Utusan Malaysia".

Supramaniyam, V. (2015). Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) Dalam Kalangan Guru-Guru Matapelajaran Kemahiran Hidup Di Sekolah Rendah Luar Bandar Negeri Johor.

Verderber, R. &. (2008). "Communicate"(12th ed.). *Thomson Higher Education, USA*

Vinathan, T. A. (2016). Hubungan Motivasi Guru Dengan Penggunaan ICT Dalam Pengajaran Di SJK (T) Daerah Kuala Muda Yan. *Proceeding of ICECRS, 1 (2016) 1043-1054 ISSN. 2548-6160, 1043-1046.*

Zakaria, U. K. (January 2014). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tekanan Guru Sekolah Menengah Daerah Hulu Terengganu, Terengganu Darul Iman. 1-8.